

Projek eksplorasi alam semula jadi Uniten

SELAIN memupuk minat menghargai alam semula jadi, program *Adventure With Nature* anjuran Persatuan Mahasiswa Kelompok MURNI, Universiti Tenaga Nasional (Uniten) baru-baru ini dilihat dapat mengeratkan hubungan dengan rakan dari institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain.

Buktinya, program berkonsepkan eksplorasi alam semula jadi itu berjaya menarik penyertaan seramai 38 mahasiswa dari beberapa buah IPT termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa yang diadakan di Taman Botani Shah Alam.

Antara aktiviti menarik diadakan ialah menyahut cabaran tali tinggi di tapak Skytrex di taman berkenaan yang menguji tahap kekuatan fizikal dan juga mental mahasiswa bersama rakan seperjuangan.

Seorang peserta wanita dari Uniten, Siti Mariam Ab Rahim tidak menduga dapat melepassi semua halangan termasuk berjaya menamatkan cabaran tali tinggi.

“Pengalaman sebegini membuatkan saya lebih yakin dengan kebolehan fizikal dan mental diri sendiri,” ujarnya.

Selain mengunjungi tapak Skytrex, para peserta turut berpeluang menikmati keindahan dan kehijauan Taman Botani Shah Alam.

Lawatan ke Rumah Empat Musim yang bertemakan musim sejuk dengan permukaan bumi dilitupi salji memberi kesempatan kepada peserta untuk merakam gambar bagi di kutub utara.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai program *Adventure With Nature* anjuran Persatuan Mahasiswa Kelompok MURNI, Uniten yang diadakan di Taman Botani Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.

Sementara itu, Nur Shahirah Mohd Haniffah dan Fatin Aliaa Khaizan, masing-masing pelajar jurusan kejuruteraan di Uniten bersyukur dengan sambutan yang diberikan oleh rakan-rakan mereka terhadap projek ini.

“Kami memilih untuk menganjurkan program ini di Taman Botani Shah Alam kerana merasa kagum dengan suasana tenteram dan kehijauan di sini.

“Siapa sangka terdapat aktiviti cabaran tali tinggi di sebalik hutan yang terpelihara ini,” kata kedua-duanya.

Kejayaan program banyak disokong menerusi tajaan daripada beberapa syarikat khususnya Yayasan Tenaga Nasional (YTN)

selain dana diberikan pihak universiti kepada jawatankuasa pelajar untuk menampung bajet kos keseluruhan.

Bagi menjayakan projek itu, jawatankuasa pelajar turut mendapatkan tunjuk ajar dari penasihat projek, Zuraidah Ali, yang juga merupakan Pengetua kediaman pelajar kelompok MURNI.

“Aktiviti yang dijalankan memberi peluang kepada peserta mengeratkan persahabatan di samping meningkatkan semangat dan keyakinan diri. “Persatuan mahasiswa harus terus menganjurkan projek berkonsepkan cabaran alam semula jadi, sekali gus mencipta pengalaman menarik di luar bilik kuliah,” katanya.



ANTARA aktiviti lasak yang mencabar kebolehan fizikal dan mental diri mahasiswa.